

JAWAPAN

**BAB
3**

Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

Kekayaan Hasil Bumi di Perak, Selangor,

PBD 3.1 Negeri Sembilan dan Pahang

1. (a) Larut
(b) Long Jaafar
(c) Ngah Ibrahim
(d) Klian Pauh
(e) Klian Baru
(f) pelombong Cina
(g) Kuala Sepetang
(h) Kinta
(i) Ipoh
(j) Pangkalan Peguh

2. Berdasarkan penilaian guru.

Peluasan Kuasa British di Perak, Selangor,
Negeri Sembilan dan Pahang

PBD 3.2

3. (a) (i) Ghee Hin, Hai San
(ii) hendak menguasai lombong bijih timah.
(iii) perdagangan bijih timah di Negeri-negeri Selat.
(b) (i) penggiliran
(ii) Raja Di Hilir
(iii) Sultan Ismail
(iv) Raja Abdullah
4. (a) Perang Klang
(b) (i) Memperoleh hak untuk mentadbir daerah Klang daripada Sultan Abdul Samad.
(ii) Berjaya memajukan daerah Klang sebagai pusat pengeluaran bijih timah.
(iii) Membuka lombong-lombong bijih timah di sekitar Ampang dan Kuala Lumpur.
(iv) Mendapat sokongan kumpulan Hai San.
(c) (i) Sebelum Klang diserahkan kepada Raja Abdullah, daerah Klang ditadbir oleh ayahanda beliau, Raja Sulaiman.
(ii) Menuntut haknya ke atas daerah Klang.
(iii) Mendapat sokongan kumpulan Ghee Hin.
5. (a) Raja Abdullah diiktiraf sebagai Sultan Perak.
(b) Raja Ismail dibenarkan kekal sebagai Raja Muda. Beliau diberikan sebuah jajahan kecil untuk ditadbir.
(c) Sultan menerima seorang Residen British yang akan menasihati baginda dalam semua urusan pentadbiran kecuali yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu.
(d) Ngah Ibrahim diakui sebagai Orang Kaya Menteri Larut dan menerima seorang Penolong Residen.
(e) British berkuasa penuh ke atas pungutan cukai di Perak.
(f) British berjaya menguasai pendapatan negeri Perak.
(g) Pembesar Melayu Perak hilang punca pendapatan.

- (h) British memperkenalkan pelbagai cukai baharu.
(i) Penduduk setempat semakin tertindas.
(j) British mula menguasai pentadbiran di Perak.
(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)

6. (a) Sistem pemerintahan British secara tidak langsung di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.
(b) • Menasihati Raja-raja Melayu dalam semua hal ehwal pentadbiran kecuali yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu.
• Memastikan semua nasihat Residen dipatuhi dan diikuti.
(c) • Kedudukan sultan dan pembesar negeri dikekalkan.
• Nasihat Residen British mesti diterima.
• Sultan tidak lagi dibenarkan untuk membuat undang-undang seperti sebelumnya.
• Sultan dan pembesar kehilangan kuasa dalam pentadbiran dan pungutan cukai.
• Residen mengambil alih pentadbiran pada peringkat pembesar dan negeri.
• Jawatan dan peranan pembesar Melayu digantikan dengan pegawai-pegawai British.
• Sistem pentadbiran Barat seperti penubuhan jabatan kerajaan menggantikan sistem pentadbiran tradisional.
7. (a) Gabungan beberapa buah negeri di bawah satu unit pentadbiran yang mengandungi kerajaan pusat dan kerajaan negeri.
(b) • Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang digabungkan untuk membentuk sebuah persekutuan.
• Residen Jeneral mengetuai pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
• Raja-raja Melayu menerima nasihat Residen Jeneral dalam semua hal ehwal pentadbiran kecuali yang berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu.
• Kuala Lumpur menjadi pusat pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
• Negeri-negeri Melayu Bersekutu juga dikenali sebagai Persekutuan 1896.

PBD 3.3 Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

8. (a) Residen tidak diberi garis panduan yang jelas untuk melaksanakan tugas.
(b) Residen menjadi semakin berkuasa dalam Majlis Mesyuarat Negeri.
(c) Raja dan pembesar Melayu tidak berpuas hati kerana kehilangan kuasa dalam pentadbiran dan pungutan cukai.
(d) Pentadbiran berbeza-beza di negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang kerana masing-masing mempunyai undang-undang sendiri.
(e) Kemajuan ekonomi antara negeri tidak seimbang.
(f) British memerlukan sistem pentadbiran yang cekap bagi memudahkan mereka mengeksploitasi kekayaan negeri-negeri Melayu berkenaan.
(g) Penggabungan membolehkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu mempunyai pasukan keselamatan sendiri.

- (h) Negeri-negeri Melayu mampu memelihara keamanan tanpa mengharapkan bantuan dari luar.
- (i) Pahang mengalami hutang yang besar sementara Perak, Selangor dan Negeri Sembilan yang mempunyai bijih timah lebih kaya.
- (j) Pembentukan Persekutuan 1896 membolehkan negeri-negeri yang kaya membantu mengurangkan beban kewangan negeri Pahang.

PBD 3.4 Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

9. (a) Meluluskan undang-undang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
 - (b) • Raja-raja Melayu hanya menjadi ahli biasa dalam Majlis.
 - British berkuasa mengawal undang-undang dan kewangan Negeri-negeri Melayu.
 - Pesuruhjaya Tinggi British mengambil alih kuasa pentadbiran.
 - (c) • Raja-raja Melayu kehilangan kedaulatan.
 - Institusi kesultanan terhapus.
 - Raja Melayu dilucutkan jawatan.
 - Negeri Melayu tiada raja.
 - Keadaan dalam negeri menjadi huru-hara.
 - Rakyat bangun memberontak.
 - (Mana-mana jawapan yang munasabah)*
 - (d) • Menyatakan bantahan terhadap sistem pentadbiran baharu.
 - Memberi sokongan kepada Raja-raja Melayu.
 - Menguatkan jati diri.
 - Memantapkan penguasaan ilmu pengetahuan.
 - Menunjukkan semangat perpaduan yang kukuh.
 - (Mana-mana jawapan yang munasabah)*
10. (a) Pertemuan antara Raja-raja Melayu dengan British bagi membangkitkan isu-isu masyarakat tempatan yang terjejas akibat pentadbiran British.
- (b) Bagi mendapatkan sokongan Raja-raja Melayu terhadap pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
- (c) Pesuruhjaya Tinggi British, Raja-raja Melayu, Residen Jeneral, Residen-residen.
11. Kemajuan yang dicapai hanya memenuhi keperluan British. Sistem pengangkutan yang sempurna memudahkan British mengeksploitasi kekayaan negeri Melayu. Landasan kereta api dan jalan raya menghubungkan kawasan pengeluaran hasil bumi dengan pelabuhan. Tiada sistem pengangkutan menghubungkan antara kampung dengan kampung yang lain. Penduduk setempat tidak menikmati kemudahan jalan raya. Kemajuan yang dicapai hanya membawa faedah kepada kuasa penjajah. Penduduk setempat tidak menikmati kemajuan yang dicapai.
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)*
12. Berdasarkan penilaian guru.

Power PT3

Bahagian A

- | | | | | |
|------|------|------|------|-------|
| 1. C | 2. D | 3. A | 4. B | 5. C |
| 6. C | 7. D | 8. A | 9. B | 10. D |

Bahagian B

1. (a) • Perlombongan bijih timah diusahakan oleh orang Melayu di lembah sungai.
- Mereka melombong bijih timah untuk kegunaan tempatan serta diperdagangkan.
- Perdagangan bijih timah dijalankan di bawah pengawasan pembesar Melayu.

- Pembesar Melayu adalah pemilik lombong.
- Pemilik lombong membekalkan semua keperluan perbelanjaan.
- Pembesar Melayu memperoleh kawasan pegangan melalui surat tauliah daripada sultan.
- (Pilih mana-mana empat jawapan)*

- (b) (i) Larut
- (ii) Lembah Kinta
- (iii) Kuala Lumpur
- (c) • Kuasa Barat cuba meluaskan pengaruh / menjajah negara kita.
- Pembinaan sistem jalan raya dan landasan kereta api.
- British membina pelabuhan untuk mengeksport bijih timah.
- Buruh / pelombong dibawa masuk dari China.
- Kemunculan bandar-bandar baharu di kawasan lombong.
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)*

2. (a) • Mengatasi kelemahan Sistem Residen.
- Menyeragamkan pentadbiran.
- Menjamin keselamatan negeri.
- Menangani masalah kewangan Pahang.
- (b) (i) Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang digabungkan untuk membentuk sebuah persekutuan.
- (ii) Residen Jeneral mengetuai pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
- (iii) Kuala Lumpur menjadi pusat pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
- (c) • Menyatupadukan rakyat.
- Memperjuangkan hak dan kepentingan rakyat melalui sistem perundangan.
- Membuat penilaian / kajian terhadap tindakan Residen Jeneral.
- Memastikan dasar yang dibuat oleh Residen Jeneral tidak menjejaskan kedaulatan negeri.
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)*

Bahagian C

4. (a) • Pemerintah Larut / Tengku Menteri Ngah Ibrahim membawa masuk pelombong Cina.
- Menyelesaikan masalah perebutan takhta Kesultanan Perak.
- Sistem penggiliran dalam pewarisan takhta tidak dipatuhi.
- Selepas kemangkatan Sultan Ali, Raja Ismail dilantik menjadi sultan.
- Raja Yusuf yang merupakan Raja Di Hilir membuat bantahan.
- Raja Abdullah menuntut haknya untuk menjadi sultan tidak hadir upacara pemakaman Sultan Ali.
- Di Selangor, Perang Klang tercetus di antara Raja Abdullah bin Raja Jaafar dan Raja Mahadi bin Raja Sulaiman.
- Merebut daerah Klang yang dianugerahkan kepada Raja Abdullah oleh Sultan Abdul Samad.
- Raja Abdullah telah memajukan daerah Klang.
- Ayahanda Raja Mahadi / Raja Sulaiman menguasai daerah Klang sebelum diserahkan kepada Raja Abdullah.
- [Mak. 6m]*
- (b) • Kapal dagang British diserang lanun pada tahun 1873 dalam pelayaran dari Pulau Pinang ke Melaka.

- Dirompak berhampiran perairan Kuala Langat.
- Pada tahun 1874, rumah api di Tanjung Rachado diserang.
- British mendesak Sultan Selangor menerima perlindungan British.
- Alasan British adalah Sultan Selangor gagal memelihara keselamatan perairan Selangor.
- Di Pahang, warga British / Goh Hui ditemui terbunuh berhampiran istana Sultan Pahang (di Pekan).
- British mendesak Sultan Pahang menerima perlindungan British.
- Alasan British, Sultan Pahang gagal memelihara keselamatan.

[Mak. 8m]

- (c) • Mengeratkan perpaduan.
- Hormat-menghormati antara satu sama lain.
 - Sentiasa ziarah menziarahi antara satu sama lain.
 - Mengamalkan prinsip Rukun Negara.
 - Tidak menimbulkan ketegangan / mengemukakan isu sensitif dalam masyarakat.
 - Patuhi undang-undang negara.
- (*Mana-mana jawapan yang munasabah*)

Power KBAT

- Hasil bantahan / rasa tidak puas hati Raja-raja Melayu terhadap dasar British.
 - Bantahan terhadap perkembangan kuasa Residen Jeneral / British.
 - Mempertahankan kuasa dan peranan sultan dan Majlis Mesyuarat Negeri daripada diambil alih oleh Residen Jeneral.
 - Memelihara kedaulatan Raja dan Negeri Melayu.
 - Tanggungjawab bersama Raja-raja Melayu sebagai pelindung orang Melayu.
 - Mengatasi masalah hal ehwal, adat, agama Islam dan kebajikan orang Melayu.
 - Raja-raja Melayu dapat mengemukakan tuntutan untuk menambah bilangan pegawai Melayu dalam perkhidmatan kerajaan.
 - Raja-raja Melayu dapat mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.
 - Asas kepada kewujudan Majlis Persidangan Raja-raja Melayu.
- Mengukuhkan perpaduan rakyat.
 - Mewujudkan persefahaman antara pemerintah dan rakyat jelata.
 - Memperkuatkan jati diri rakyat.
 - Sentiasa berwaspada terhadap tindakan British.
 - Sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan.

(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)